

Pelepasan gas karbon dioksida dari kilang, kenderaan punca utama suhu meningkat

Cuaca di Malaysia makin panas

Oleh AHMAD ISYAFIQ MAD. DESA

JOHOR BAHRU – Suhu di Malaysia bakal menyamai suhu di negara-negara Arab apabila ia diramal mencecah suhu 40 darjah Celsius dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pengarah Kampus Lestari Universiti Teknologi Malaysia (UTM-CS), Profesor Madya Dr. Mohd. Fadhli Md. Din (**gambar kecil**) berkata, keadaan itu berlaku disebabkan suhu di kawasan bandar dan luar bandar di negara ini mengalami peningkatan sebanyak 1.2 darjah Celsius setahun.

“Kadar suhu yang sangat tinggi itu bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada tubuh manusia yang hanya mampu bertahan dalam suhu maksimum 39.5 darjah Celsius malah mengakibatkan negara berisiko mengalami musim kemarau berpanjangan,” katanya selepas memperkenalkan prototaip penunjuk haba *Surrogate Human Sensor* (SHS) di Kampus UTM di Skudai dekat sini semalam.

Kadar suhu purata di Malaysia adalah antara 32 hingga 33 darjah Celsius.

Beliau berkata, peningkatan kadar suhu secara berperingkat itu berpunca daripada pelepasan gas karbon dioksida dari kilang dan kenderaan yang semakin banyak di negara ini pada masa depan.

Katanya, ia juga berpunca daripada kebanyakan bangunan di negara ini menggunakan bahan menyerap haba yang tinggi.

“Keadaan menjadi lebih buruk apabila haba di dalam dan di luar bangunan tidak dapat dibebaskan dengan baik,” ujarnya.

Menjelaskan lebih lanjut,



KEADAAN lopak berair tempat kerbau berkubang menjadi kering akibat musim panas di Batu Gajah, Perak semalam.

“Kadar suhu yang sangat tinggi mendatangkan bahaya kepada tubuh manusia yang hanya mampu bertahan dalam suhu maksimum 39.5 darjah Celsius

MOHD. FADHLI



beliau berkata, keadaan iklim dunia pada masa ini termasuk di Malaysia sememangnya sukar dijangka.

Sebagai contoh, kata beliau, fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini dijangka berakhir pada bulan Jun dan diikuti kejadian banjir besar yang diramal berlaku antara bulan Julai dan Ogos.

“Namun jangkakan mengenai fenomena banjir besar itu tidak semestinya betul,” kata beliau.

Dr. Mohd. Fadhli berka-

ta, dalam hubungan ini, kerajaan perlu menyediakan pelan tindakan bagi berdepan dengan fenomena negara mungkin mengalami kemarau berpanjangan pada masa depan.

Beliau juga berkata, peningkatan suhu secara berperingkat ini turut membahayakan manusia yang berpontensi diserang strok haba terutama dalam kalangan kanak-kanak dan warga emas.

Menurutnya, secara purata tubuh badan manusia mampu bertahan dalam suhu maksimum 39.5 darjah Celsius dalam tempoh 10 minit sebelum seseorang individu itu

INFO Suhu negara-negara cuaca panas

LIBYA

- Purata suhu: 35 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 57.8 darjah Celsius
- Suhu minimum: 19 darjah Celsius

ARAB SAUDI

- Purata suhu: 45 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 53 darjah Celsius
- Suhu minimum: -1 darjah Celsius

ETHIOPIA

- Purata suhu: 35 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 60 darjah Celsius
- Suhu minimum: 22 darjah Celsius

ALGERIA

- Purata suhu: 26 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 50 darjah Celsius
- Suhu minimum: -20 darjah Celsius

INDIA

- Purata suhu: 40 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 48 darjah Celsius
- Suhu minimum: -18 darjah Celsius

INFO Suhu bandar-bandar Malaysia

Suhu paling tinggi (sehingga 5 petang semalam)

Temerloh, Pahang	37.1 Celsius
Chuping, Perlis	36.8 Celsius
Alor Setar, Kedah	35 Celsius
Petaling Jaya	35 Celsius
Kuala Pilah, Negeri Sembilan	35 Celsius
Ipoh, Perak	34 Celsius

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia



ORANG ramai berpusing untuk mengelak cuaca panas ketika bersiar-siar dekat Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur semalam.

Beras JUARA
 “Pilihan Yang Tepat”
 Keluaran 100% Bumiputera Islam